

24/04/2001

Thaksin mula lawatan

KUALA LUMPUR, Isnin - Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shina Watra akan tiba di sini esok untuk lawatan rasmi dua hari bagi membincangkan isu dua hala dan antarabangsa.

Menurut kenyataan Wisma Putra hari ini, lawatan itu akan membolehkan kedua dua negara meningkatkan hubungan dua hala dan kerjasama ekonomi selain mengenal pasti bidang yang boleh memperkukuhkan lagi kerjasama serantau menerusi Asean.

Selain mengadakan perbincangan bersama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Thaksin juga dijangka melawat Perbadanan Pembangunan Multimedia yang menyelia pembangunan projek Koridor Raya Multimedia Malaysia.

Ini adalah lawatan pertama Thaksin ke Malaysia sejak dilantik ke jawatan itu selepas pilihan raya umum Thailand Disember lalu.

(END)